

**UNSUR FORMALISTIK DALAM KARYA YA BAMBAN YA LUKAH
DAN HUMINODUN SPIRIT**
**FORMALISTIC ELEMENTS IN THE ARTWORK OF YA BAMBAN
YA LUKAH AND THE SPIRIT OF HUMINODUN**

Musnin Misdih¹

Noorliana Erdenaa²

¹Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

²Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor
Tarikh dianjur: 14 Januari 2021 / Tarikh diterima: 20 Mei 2021

ABSTRAK

Karya catan Hassan Majin iaitu *Ya Bamban Ya Lukah* dan *Huminodun Spirits (Kadazandusun)* oleh Abdullah Ehlid Al Walid adalah cetusan idea pelukis terhadap tarian tradisi masyarakat Bisaya dan cerita rakyat wanita Kadazandusun. Karya diolah oleh pelukis bertujuan untuk memberi tafsirannya sendiri berdasarkan ekspresi dalam catan seni visual. Karya ini memberi penekanan terhadap penyampaian rasa, emosi dan perasaan yang diolah dalam sapuan berus dan penggunaan warna dalam kanvas karyanya. Naratif cerita diolah melalui pergerakan *Spirit Bubu Mengalai* dan figura Huminodun. Kajian dilakukan secara kualitatif untuk mentafsir keadaan yang sebenar menerusi pengkaryaan. Penghasilan karya adalah menerusi aplikasi aspek formalistik dalam pengkaryaan dan perspektif budaya. Hasil kajian menjelaskan bahawa terdapat unsur *spirit* dalam perkaryaan sebagai pernyataan seni visual yang mengupas tentang elemen formalistik, kepercayaan terhadap figura dan kritikan seni. Justeru, terdapat unsur kepercayaan semangat dan perubatan tradisional menerusi tarian serta semangat menuai padi masyarakat tempatan di Borneo yang mereka warisi sejak dahulu lagi. Oleh hal yang demikian, pelukis dapat memaparkan semula dalam bentuk karya catan seni visual.

Kata kunci: Unsur *spirit*, kepercayaan, karya *Ya Bamban Ya Lukah* dan *Huminodun Spirits (Kadazandusun)*, elemen formalistik dan kritikan seni.

ABSTRACT

Hassan Majin's painting artwork Ya Bamban Ya Lukah and Huminodun Spirits (Kadazandusun) by Abdullah Ehlid Al Walid is the origin of this painter's idea of the traditional dance of the Bisaya community and the Sabah folklore of a Kadazandusun woman. The work produced by the artist aims to give his interpretation based on being expressed in visual

art paintings. This work focuses on emphasis on the delivery of feelings, emotions and feelings processed in brush strokes and the use of colour in the canvas of his work. The narrative of the story is processed into visual works through the movement of the Bubu Mengalai Spirit and Huminodun figure. The study is done qualitatively to interpret the real situation through the work. Production of works through the application of formalistic aspects in the creation and cultural perspective. The results of the study can explain that there is an element of spirit in the work as a visual art statement that examines the elements of formality, belief in figures and art criticism. Therefore, there is an element of belief in the spirit of traditional medicine through the dance and harvesting of local rice in Borneo that they have inherited for a long time. Thus, the painter can re-display in the form of visual art paintings.

Keywords: Elements of spirit, belief, work of Ya Bamban Ya Lukah and Huminodun Spirits (Kadazandusun), formalistic elements and artistic criticism.

PENDAHULUAN

Kebudayaan (kesenian) yang memiliki hidup dan nilai spiritual dapat memberi makna kepada manusia. Justeru, perubahan yang bercirikan nilai-nilai tradisi dapat memaparkan nilai-nilai estetika yang baik (Musnin Misdih, 2013: 148). Menurut Mohd Johari Ab. Hamid (2008: 161), memahami karya seni visual tidak kira apa bentuknya terletak kepada dua pendekatan utama, iaitu bentuk dan isi (makna) atau '*form and content*'. Karya catan *Ya Bamban Ya Lukah* adalah cetusan idea menerusi apresiasi dalam tarian tradisi masyarakat Bisaya, Beaufort, Sabah. Karya diolah oleh pelukis mengikut tafsirannya sendiri berdasarkan pemahaman yang mendalam terhadap tarian *Bubu Mengalai*. Tarian *Bubu Mengalai* merupakan tarian tradisi yang paling popular suatu masa dahulu kerana persembahan tariannya mempunyai situasi lupa kerasukan (*possession trance*) yang jarang berlaku dalam tarian lain. Oleh hal yang demikian, pelukis dapat mengaplikasikannya dan memaparkannya semula dalam bentuk karya catan seni visual.

Karya seni visual *Huminodun Spirits (Kadazandusun)* pula telah dihasilkan oleh pelukis Abdullah Ehlid Al Walid pada tahun 2014. Karya ini memaparkan elemen ekspresif seni visual dan budaya masyarakat Kadazandusun, khususnya semangat menuai padi. Hal ini diterjemahkan oleh pelukis bagi menyampaikan cerita rakyat tempatan yang diungkapkan dalam karya catan. Karya ini memberi penekanan kepada penyampaian emosi dan perasaan yang diolah menerusi sapuan berus dan penggunaan warna di atas kain kanvas.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur *spirit* dalam pengkaryaan pelukis Hassan Majin bertajuk *Ya Bamban Ya Lukah* dan Abdullah Ehlid Al Walid dengan karyanya bertajuk *Huminodun Spirits (Kadazandusun)*. Unsur *spirit* dalam *Ya Bamban Ya Lukah* adalah berdasarkan pergerakan asap kemenyan. Pergerakan itu membawa maksud kuasa luar biasa yang dipercayai turun dari langit masuk ke dalam imej figura (*Lukah*) untuk memberi tenaga. Justeru, asap kemenyan mempunyai upaya memanggil kuasa luar biasa menerusi makhluk halus. Karya *Huminodun Spirits* pula mempunyai pengulangan imej yang menimbulkan kesan dramatik seolah-olah munculnya spiritual yang wujud daripada tubuh badan Huminodun. Pergerakan imej figura Huminodun dalam karya menunjukkan makna *spirit* pengorbanan diri untuk membantu kaumnya pada masa akan datang. Kajian berfokuskan kepada dua pelukis Sabah berlatar belakang keturunan yang berbeza tetapi memiliki kelebihan untuk menyelami budaya tempatan Sabah. Pelukis ini mampu mengamati objek dan imej untuk divisualkan dalam bentuk karya catan mereka.


Kajian terhadap Karya *Ya Bamban Ya Lukah* dan *Huminodun Spirits* dipilih kerana mempunyai kekuatan terhadap mesej yang disampaikan kepada audiens. Tambahan lagi, penghasilan karyanya dikaitkan dengan unsur *spirit* dan tidak ramai pelukis lain memaparkannya. Karya yang disampaikan juga beridentitikan imej cerita rakyat etnik tempatan sabah.

Kajian ini juga merungkai permasalahan tertentu untuk memaparkan unsur-unsur spiritual supaya dapat diaplikasikan dalam bentuk pengkaryaan. Jelasnya, terdapat unsur baharu dalam pengkaryaan yang jarang digunakan oleh pelukis. Unsur tersebut ialah budaya masyarakat dengan visual karya. Hasil kajian menjelaskan suatu rumusan deskripsi seperti dalam rangka kajian Rajah 1.

METODOLOGI

Kajian ini pada dasarnya menggunakan pendekatan secara sekunder dan primer. Kajian kepustakaan menerusi pendekatan kajian kualitatif terhadap bahan tulisan yang relevan dengan tajuk kajian ini khususnya unsur *spirit* dalam karya dan persembahan. Metode pengumpulan data dilakukan secara dokumentasi yang diperoleh daripada karya sebenar, artikel ilmiah, buku, dalam bidang kesenian dan kemanusiaan. Pendekatan primer dilakukan dengan cara temu duga bersemuka terhadap dua pelukis berkenaan untuk mendapatkan data yang sebenar. Sebagai tambahan, pengkaji juga membuat pendekatan secara *participant observation* di studio lukisan pelukis ini. Tujuannya adalah untuk mendapatkan data sebenar di dalam studio semasa pelukis ini menghasilkan karyanya dahulu.

Data-data dianalisis secara induktif, disusun dan dirumuskan seperti yang terdapat dalam Rajah 1. Oleh hal yang demikian, fokus perbincangan kajian terarah kepada elemen formalistik, kepercayaan terhadap figura dalam karya dan kaitan dengan kritikan seni. Namun, ia terbatas kepada perspektif agama dan budaya secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, penekanan kajian adalah untuk merungkai pengaruh *spirit* dalam penghasilan karya.



Rajah 1 Model kajian: Unsur spirit dalam pengkaryaan dan hubungannya dengan pernyataan seni karya *Ya Bamban Ya Lukah* dan *Huminodun Spirits*

Terdapat Empat fasa kajian dan dirangkumkan dalam Rajah 1. Rangkuman itu adalah hasil karya pelukis *Ya Bamban Ya Lukah* dan *Huminodun Spirits*. Unsur *spirit* adalah kajian yang terpenting untuk menilai sejauh mana ia terdapat dalam karya *Ya Bamban Ya Lukah* oleh Hassan Majin dan Abdullah Ehliid Al Walid dengan karyanya bertajuk *Huminodun Spirits*. Berdasarkan karya, analisis dilakukan bagi menjelaskan pernyataan seni dengan menggunakan elemen formalistik, kepercayaan terhadap imej figura dan kritikan seni.

EKSPRESIF DALAM KARYA YA BAMBAN YA LUKAH DAN HUMINODUN SPIRITS

Hassan Majin dalam karya *Ya Bamban Ya Lukah* yang dihasilkannya pada tahun 1999 telah memberi ruang dalam perkembangan seni catan Sabah. Dalam karya visualnya, pelukis ini memberi penekanan terhadap penyampaian rasa, emosi dan perasaan yang diolah dalam sapuan berus dan penggunaan warna dalam kanvas karyanya.

Menurut Antal (1966), Karya seni ialah dokumen zamannya (pengkarya) yang mengandungi nilai ekstetik dan karya seni dicipta adalah berlandaskan falsafah yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Dalam hal ini, Hassan Majin

merupakan sebahagian daripada ahli dalam masyarakat yang dikajinya. Pelukis ini juga dapat memberi suatu ekspresi visual dan melahirkan pengalaman yang dilaluinya serta falsafah yang wujud dalam kalangan masyarakat Bisaya.

Pelukis mengolah karyanya dengan menggabungkan objek berbentuk separa abstrak dalam persembahan *Bubu Mengalai*. Persembahan ini amat popular sebagai tarian tradisi masyarakat setempat suatu masa dahulu. Penghayatan seni yang begitu teliti oleh pelukis, seolah-olah imej disusun atur secara bertindan mengikut pilihan warna yang menimbulkan kesan visual yang dramatis.

Pelukis menggunakan imej dan elemen naratif pengkaryaan dalam menyampaikan mesej. Berdasarkan imej dalam karya, audiens dapat menghayati dan melakukan apresiasi seni terhadap mesej yang disampaikan oleh pelukis. Hal ini berlaku berdasarkan pengalaman pelukis menggunakan ruang dalam penciptaan karyanya melalui tiga imej penting yang dipaparkan iaitu *Lukah*, penari dan kemenyan. Akhirnya, audiens akan dapat menghayati menerusi nilai-nilai estetika dalam karya dan seolah-olah ingin mengetahui kesudahan tarian dalam karya ini.

Abdullah Ehli Al Walid pula menterjemahkan cerita naratif *Huminodun Spirits (Kadazandusun)* dengan menggabungkan stilisasi berdasarkan aliran realisme, impresionisme dan futurisme. Keunikan idea pelukis ini ialah mengajak audiens untuk memahami karyanya menerusi kreativiti ekspresif sapuan berus, pemilihan warna dan olahan hal benda yang disampaikan. Oleh itu, audiens dapat memahami makna dan mesej yang jelas berdasarkan penyusunan imej figura yang digambarkan. Penghayatan secara mendalam jelas menggambarkan pelukis seolah-olah menyusun atur imej figura bertindan-tindan dengan penggunaan warna. Ia akan menimbulkan kesan yang dramatis untuk dihayati audiens.

KEPERCAYAAN TERHADAP TARIAN YA BAMBAN YA LUKAH

Penonton yang hadir akan berpantun dua rangkap bermula dengan *Ya Bamban Ya Lukah* secara beramai-ramai. Tujuannya untuk disampaikan kepada bубу yang sedang *mengalai*. Mereka percaya bahawa pantun yang disampaikan dengan suara yang kuat boleh berpindah kepada tenaga luar biasa penari dalam persembahan, tenaga luar biasa ini dipengaruhi oleh rentak tarian. Rentak laju menunjukkan kewujudan kuasa *spirit* yang menguasai *Lukah* dan penarinya, manakala rentak perlahan adalah ruang masa komunikasi pembaca jampi seraph dengan makhluk alam ghaib. Kemenyan akan dibakar di perasapan untuk menjambi badan *Bubu Mengalai*. Mereka percaya bahawa asap itu berperanan untuk memanggil

makhluk halus masuk ke dalam badan *Lukah*. *Lukah* pula seolah-olah bertenaga luar biasa apabila dipegang oleh para penari. Pergerakan tari dibentuk setelah unsur-unsur spiritual mempengaruhi *Lukah* dan penarinya. Setelah itu, berlakulah situasi lupa atau kerasukan (*possession trance*) dalam kalangan penari *Lukah* dalam persembahan. Dalam masa yang sama, pergerakan tari tidak dapat dikawal oleh semua penari dalam persembahan.

Karya catan ini diilhamkan semula menerusi olahan baharunya, seperti mengadaptasikan konsep idealisasi karya terhadap kepercayaan *ya bamban ya Lukah* dalam ruang kosmologi masyarakat Bisaya. Kini, ia diekspresikan dalam falsafah dan budaya kehidupan. Adakah nilai budaya tari ini masih relevan pada zaman moden ini, khususnya pemahaman dan penglibatan generasi baharu dalam kebudayaan masyarakatnya? Namun begitu, karya ini juga merujuk kepada norma kebudayaan sesebuah masyarakat. Imej figura manusia yang mewakili penari dan asap kemenyan digambarkan sebagai perantaraan manusia dengan makhluk halus dipaparkan dalam karya, manakala imej *Lukah* dilambangkan sebagai watak penting untuk mencetuskan gaya persembahan tarian tradisi yang sungguh menarik dengan lagu mantera, ketukan alat bunyi tradisi dan sorak penonton.

Imej figura secara separa abstrak digambarkan oleh pelukis supaya dapat menimbulkan situasi kekaguman dalam pengkaryaan. Justeru itu, dilakarkan karya ini bagi menjelaskan pernyataan peranan makhluk halus dalam tarian. Ini menunjukkan bahawa ada kuasa lain yang boleh mempengaruhi manusia untuk menambah kekuatan tenaga fizikal. Audiens akan memikirkan situasi ini dalam persembahan, terutama yang pernah melihatnya. Hal ini sangat dikhawatiri oleh audiens kerana jika imej realistik seperti *Bubu Mengalai* yang digambarkan dan akan menimbulkan syirik, iaitu menduaikan Tuhan. Perbuatan ini dilarang sama sekali oleh agama Islam.

KEPERCAYAAN TERHADAP HUMINODUN

Menurut legenda dan mitos kepercayaan masyarakat Kadazandusun, mereka mempercayai tentang kewujudan Tuhan mereka iaitu Kinoingan (Tuhan pencipta alam dan bumi), dan isterinya Suminundu atau Sumundu. Pasangan suami isteri tersebut mempunyai anak perempuan yang baik dan memiliki rupa paras yang jelita iaitu Huminodun. Dalam kajian Low & Lee (2012), Kadazandusun percaya semangat padi yang diwarisi mereka berdasarkan cerita mitos dan legenda terhadap kepercayaan kepada Tuhan Kinoingan. Masyarakat Kadazandusun telah mengalami bencana kemarau yang berpanjangan. Tanah menjadi kering-kontang, keperluan makanan dan air tidak ada sehingga mengakibatkan beberapa penduduk kampung meninggal dunia.

Menurutnya lagi, Kinoingan sangat bersimpati terhadap kehidupan manusia di bumi dan ingin menyelamatkan mereka daripada kelaparan. Namun begitu, Kinoingan perlu mengorbankan seorang wanita muda, ikhlas dan cantik. Oleh itu, Kinoingan dan isterinya bersetuju supaya anak perempuan kesayangan mereka iaitu Huminodun dikorbankan dalam upacara tersebut. Menurut Hussin (2008: 173–190), Kinoingan mengorbankan anak tunggalnya supaya penduduk kampung mendapatkan makanan mereka. Humindon dikorbankan dalam upacara ini, manakala mayatnya dikebumikan dalam adat istiadat yang sempurna.



Foto 1 Unsur formalistik dalam karya *Ya Bamban Ya Lukah*

Sumber: Musnin Misdi

Pelukis: Hassan Majin

Tajuk: *Ya Bamban Ya Lukah*

Tahun: 2003

Saiz: 81 cm x 107 cm

Bahan: Akrilik atas kanvas

Menurut Ab Hamid (2006), unsur seni merupakan elemen asas bagi menghasilkan karya seni visual. Justeru, setiap karya seni sama ada satu atau lebih perlulah difahami penghasilannya. Pada asasnya setiap penghasilan karya mempunyai beberapa jenis garisan, iaitu garisan tebal, garisan halus, garisan berlingkar, garisan kasar, garisan beralun dan berulang. Sebahagian besar garisan penghasilan karya merupakan kreativiti idea pelukis bagi menghidupkan watak dalam kaedah naratif pengkaryaan.

Teknik pergerakan semula jadi yang digunakan oleh pelukis dapat menimbulkan suasana pergerakan garisan. Kedudukan atau arah garisan akan memberikan makna seperti pergerakan alunan garisan yang menimbulkan suasana tegang. Dalam karya, garisan tebal putih bergerak pantas menuju ke arah subjek utama *Lukah*. Kesan dan warna pada garisan ini akan memberi ilusi pergerakan yang menarik. Imej figura manusia separa abstrak seolah-olah hidup pada situasinya. Keadaan ini dapat dihayati menerusi objek pergerakan figura yang menggambarkan imej sedang bergerak.

Warna merupakan unsur penting dalam pengkaryaan ini. Warna yang disapukan pada karya menggambarkan nilai yang simbolik terhadap budaya masyarakatnya. Warna yang terang dan cerah menimbulkan perasaan riang dan gembira, manakala warna yang gelap dan kelam akan menimbulkan perasaan takut, khayalan dan memberi perasaan berani melawan rasa ketakutan. Pelukis juga mengaplikasikan beberapa warna primer, sekunder dan tertier di atas kanvas karya supaya menimbulkan nilai warna seperti ton, kroma dan neutral. Penggunaan warna ini telah disusun atur mengikut kesesuaian pelukis. Pengamatan yang mendalam terhadap budaya tarian tradisi ini disampaikan oleh pelukis untuk membentuk warna bagi menghasilkan *mood*, idea yang simbolik dan emosi audiens. Karya ini memberi kesan yang mendalam kepada audiens untuk menghayatinya di sebalik budaya tari dalam masyarakat ini.

Terdapat beberapa warna yang mempunyai unsur semangat, ceria dan bertenaga dalam karya. Begitu juga penggunaan imej yang tidak menyerupai bentuk sebenar dapat dilihat dalam karya ini. Imej yang dipaparkan dalam karya adalah rupa yang menggambarkan suasana spiritual dalam persembahan tarian. Selain itu, ada pelukis mengadaptasi bentuk rupa dalam penghasilan karya. Menurut Mohd Fauzi M. Dom dalam Mohd Mohd Johari Ab Hamid (2009: 147), pelukis menggunakan rupa bukan hanya untuk menghasilkan imej-imej tertentu tetapi juga bagi mewakili sesuatu simbol yang membawa sesuatu makna kepada karya yang dihasilkan.

Hassan Majin mengambil kira komposisi imej yang dilakarkan. Sapuan berus menerusi garisan beralun warna asap kemenyan menimbulkan *mood* dan emosi spiritual. Ia seolah-olah menarik pemikiran audiens berada dalam upacara ritual semasa persembahan tarian dilakukan. Pelukis melakarkan imej dan menggunakan sapuan warna untuk memaparkan emosi yang lebih tegang terhadap *Lukah*. Begitu juga keadaannya kepada penari *Bubu Mengalai*. Dalam hal ini, pelukis berani meneroka suatu idea baharu bagi menghasilkan lakaran naratif yang menarik mengikut kreativiti penciptaan karyanya.




Foto 2 Unsur formalistik dalam karya *Huminodun Spirit*

Sumber: Musnin Misdi

Pelukis: Ehlid Al Walid

Tajuk: *Huminodun Spirits (Kadazandusun)*

Tahun: 2014

Saiz: 4 x 3 ft

Bahan: Akrilik atas kanvas

Abdullah Ehlid Al Walid menggunakan teknik pergerakan sapuan berus secara teliti dan memahami emosi di sebalik naratif pengorbanan Huminodun. Justeru, pelukis ini memaparkan suasana dramatik imej figura Huminodun dalam pengkaryannya. Imej figura Huminodun berpakaian baju tradisi Kadazandusun menampakkan kejelitaan susuk tubuhnya yang menawan, sekali gus menjelaskan bahawa masyarakat pada zaman dahulu masih berpegang teguh terhadap nilai budaya tempatan dan adab sopan santun yang mereka warisi. Hal ini digambarkan

menerusi sapuan campuran warna yang sesuai bagi melahirkan perasaan cintakan pengorbanan figura Huminodun menerusi pemilihan warna pakaian.

Imej figura Huminodun, bulan, burung dan warna-warna mistik yang dihasilkan dalam karya ini mewakili jiwa sebenar Huminodun. Pelukis sengaja mencipta beberapa adunan warna yang ditafsirkannya bagi memenuhi mesej yang ingin disampaikan kepada audiens. Oleh itu, karya ini diolah bagi menimbulkan perasaan kekaguman terhadap karyanya. Audiens diajak oleh pelukis untuk menyelami jiwa figura Huminodun dalam cerita naratif pengorbanan diri terhadap kaumnya.

Terdapat unsur pergerakan garisan warna bagi menghasilkan imej yang bertindan-tindan sehingga membentuk lima imej figura Huminodun dalam pengkaryaan. Dalam konteks ruang, pertindihan imej atau rupa melalui imej vertikal adalah kaedah asas untuk membentuk ilusi kedalamannya dengan memberikan penekanan terhadap perbezaan saiz bagi setiap imej. Menurut pelukis, imej ini adalah *transference* akan kewujudan sebenarnya. Bagaimanapun, karya ini adalah representasi pelukis terhadap pengkaryaan Huminodun (Kadazandusun). Justeru, kepercayaan masyarakat yang digambarkan dalam seni visual merupakan representasi kepada idea atau konsep yang wujud dalam minda pengkarya. Secara tidak langsung, garisan sapuan warna menjelaskan ilusi pergerakan dan emosi visual yang dipaparkan. Perkara ini telah melahirkan *mood* audiens untuk menghayati karya ini.

Pergerakan arah garisan sebenarnya boleh memberikan makna dalam karya ini. Seperti karya *Dynamis of Dog on a Leash* (1912) dalam Hassan Mohd Ghazali (2012: 172), media cat minyak atas kanvas oleh Giacomo Balla. Pelukis dari Itali ini menggunakan gambar bersiri untuk mengesan pergerakan garisan. Oleh itu, Abdullah Ehli Al Walid menggunakan ideanya untuk mengolah pergerakan berdasarkan alunan garisan yang menimbulkan suasana *spiritis* seperti pergerakan figura Huminodun. Garisan bergerak pantas secara berulang-ulang seperti wujudnya rupa imej yang pelbagai kepada subjek utama karya. Kesan dan warna pada garisan ini memberi ilusi pergerakan yang menarik. Imej figura manusia seolah-olah hidup situasinya. Keadaan ini dapat dihayati menerusi objek pergerakan figura. Garisan-garisan yang dibentuk menggambarkan pergerakan figura Hominodun mendongak ke langit dan tangannya memegang sebatang padi yang berbuah masak. Terdapat juga garisan sangat halus pada bahagian bayang bayang figura. Begitu juga di bahagian garisan beralun pada corak baju dan rambut. Teknik penggunaan garis *curl* diulang seperti dipaparkan seolah-olah kelihatan seperti nasi. Pelukis juga menghasilkan beberapa bentuk rupa organik

yang digambarkan melalui aksesoris pakaian tradisi Kadazandusun. Secara keseluruhannya, garisan digunakan sebagai mewakili unsur *spirits* yang wujud dalam representasi pengkaryaan Abdullah Ehliid Al Walid.

Selain itu, pemilihan campuran warna juga merupakan unsur terpenting dalam pengkaryaan ini. Warna yang disapukan pada kanvas karya ini dianggap mewakili budaya masyarakatnya. Pelukis menggunakan warna panas seperti warna kuning, jingga dan merah bagi menunjukkan sifat keberanian Huminodun terhadap semangat padi kaumnya. Warna hitam pada latar belakang karya pula menggambarkan kepercayaan, terutama sekali masyarakat Kadazandusun di Sabah.

Sapuan warna yang terang dan cerah menimbulkan perasaan riang dan gembira, manakala warna yang gelap dan kelam menimbulkan perasaan takut audiens. Ada kalanya kesan warna memberi kesan perasaan keberanian melawan rasa ketakutan. Imej paparan visual ini dapat dilihat pada leher figura yang luka dikelar pisau, kesan luka yang ditunjukkan pada imej figura yang pertama berdasarkan pada paparan visual karya. Pelukis mengaplikasikan teknik campuran warna primer, sekunder dan tertier pada kanvas karya agar dapat menimbulkan nilai warna seperti ton, kroma dan neutral. Penggunaan warna ini telah disusun atur mengikut kesesuaian dan idea pelukis. Pengamatan yang mendalam terhadap pengorbanan figura Huminodun dalam karya pelukis dapat membentuk adunan warna untuk menghasilkan *mood*, idea yang simbolik dan emosi audiens. Warna dalam karya ini memberi kesan yang mendalam agar audiens menghayati karya di sebalik mesej yang disampaikan. Oleh itu, terdapat beberapa warna yang mempunyai unsur semangat, ceria dan bertenaga dalam karya pelukis.

Imej figura secara separa realistik yang digambarkan oleh pelukis dapat menimbulkan situasi kekaguman pengkaryaan. Pengkarya dapat menghasilkan karya catan visual ini dengan menggabungkan aliran realisme, impresionisme dan futurisme terhadap sapuan warna dan garisan pada hasil karyanya. Idea karya ini memaparkan suatu pengorbanan diri figura demi kepentingan kaumnya sehingga menghasilkan unsur kepercayaan bahawa padi dan tumbuhan-tumbuhan yang diperoleh adalah daripada semangat Huminodun.

KESIMPULAN

Karya catan Hassan Majin memaparkan unsur budaya tarian tradisi *Bubu Mengalai* yang disampaikan dalam bentuk karya *Ya Bamban Ya Lukah*. Penghasilan karya ini memberi gambaran kepada audiens dan juga pengkritik seni visual bahawa nilai budaya tempatan adalah subjek penting dalam menghasilkan karya khususnya

nilai estetik dan budaya yang terdapat di Borneo utara. Hal ini juga menjelaskan bahawa terdapat unsur-unsur kepercayaan dalam penghasilan karya catan dan menunjukkan bahawa masyarakat Bisaya memiliki kebudayaan tarian tradisi yang diwarisi sejak dahulu lagi.

Karya catan Abdullah Eholid Al Walid pula memaparkan karya yang berunsurkan kepercayaan terhadap *spirit* Huminodun. Mesej disampaikan menerusi representasi dan kemahiran pelukis mengolah imej dan sapuan berus warna yang teliti dan dramatik. Pergerakan pada garisan diolah dengan teliti sehingga mencerminkan suatu cerita naratif yang bertenaga untuk dilihat oleh audiens. Unsur kepercayaan karya catan ini masih relevan pada zaman moden ini, khususnya pemahaman dan penglibatan generasi baharu terhadap aktiviti sambutan perayaan Pesta Kaamatan yang diadakan setiap tahun di Sabah. Bagi pelukis, ia mencakupi pelbagai mesej seperti pernyataan kritikan sosial, spiritual, budaya, falsafah dan interpretasi diri yang berbentuk pengalaman atau ekspresi diri. Oleh itu, penghasilan karya ini memberi gambaran kepada audiens dan pengkritik seni visual bahawa nilai kebudayaan tempatan adalah subjek penting dalam penghasilan karya, khususnya berdasarkan kepercayaan dan budaya yang terdapat di Borneo.

RUJUKAN

- Abdullah Eholid Al Walid. (26 Februari 2020). Studio Fine Art, UITM Shah Alam, Selangor.
- Frederick Antal. (1966). *Classicism in art; Romanticism in art: Historiography*. New York: Basic Book.
- Hassan Majin. (10 Mei 2020). Taman Rumah Murah, Beaufort, Sabah.
- Hassan Mohd Ghazali. (2012). *Seni visual*. Tanjung Malim: Citra Grafik.
- Hussin, H. (2008). Performing rice farming rituals by Penampang Kadazan of East Malaysia: Between sacred ritual and secular performance. *JATI: Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara*, 13, 173-190.
- Low, K.O., & Lee, Y.F. (2012). Investigating the relationship between Kadazandusun beliefs about paddy spirits, riddling in harvest-time and paddy-related *sundait*. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 13, 65–93.
- Ab. Hamid, M. J. (2006). *Asas seni visual*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ab. Hamid, M. J. (2008). *Apresiasi dan kritikan seni visual*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ab. Hamid, M. J. (2009). *Pendidikan seni visual dan muzik*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Misdih, M. (2013). *Budaya tari Bubu Mengalai-Media konvensional dan pembentukan tari masyarakat Bisaya di Beaufort, Sabah*. *TENIAT Jurnal Antarabangsa ‘Creative Futures’ dan Warisan*, 1(1), 167-175.